



## SIARAN MEDIA

### USAHA BERTERUSAN KPKT: 31 PROJEK TERBENGKALAI SIAP, 21 LAGI SEDANG DIJALANKAN MENGIKUT JADUAL

**KUALA LUMPUR, 13 OGOS 2025** – Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Aimah Athirah binti Sabu memaklumkan bahawa **Mesyuarat Task Force Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai (TFST) Bil. 4 Tahun 2025** telah diadakan pada 8 Ogos 2025 bagi meneliti kemajuan terkini usaha pemulihian projek-projek perumahan swasta yang lewat, sakit dan terbengkalai di seluruh negara.

Sehingga **30 Jun 2025**, TFST telah mengesan dan memantau sebanyak **233 projek perumahan swasta yang dikategorikan sebagai lewat, 360 projek sebagai sakit dan 109 projek sebagai terbengkalai** di seluruh negara. Berdasarkan perbandingan dengan data pada 30 April 2025 yang lalu, jumlah projek sakit telah mencatatkan peningkatan daripada 339 kepada 360 projek, manakala projek lewat kekal dengan jumlah 233 projek. Walau bagaimanapun, jumlah **projek terbengkalai** mencatatkan penurunan daripada **114 projek kepada 109 projek**.

Pencapaian TFST setakat ini menunjukkan perkembangan yang sangat positif, di mana dari TFST Bil 1/2023 hingga kini, sebanyak **1,171 projek perumahan swasta** telah berjaya dipulihkan melibatkan **139,848 unit rumah** dengan nilai pembangunan kasar (GDV) berjumlah **RM113.55 bilion**.

Bagi tahun 2025 (sehingga 30 Jun 2025), TFST telah berjaya memulihkan **244 projek perumahan swasta** melibatkan **27,101 unit rumah** dengan nilai GDV berjumlah **RM21.07 bilion**.

Pada hari ini juga, TFST turut merakamkan pencapaian yang sangat positif bagi **pemulihan Projek Residensi Hektar Gombak**. Setelah melalui pelbagai cabaran teknikal dan kewangan yang kompleks, inisiatif berterusan dan campur tangan proaktif oleh KPKT melalui TFST akhirnya membawa hasil apabila telah berjaya **memperoleh suntikan dana sebanyak RM125 juta daripada sebuah institusi kewangan tempatan**.

Seperti yang diumumkan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) semasa lawatan kerja di tapak pembinaan projek ini, **kerja pembinaan semula telah bermula pada 30 Julai 2025 dan dijangka siap pada tahun 2027**. Kerja-kerja penyiapan ini kini dilaksanakan oleh kontraktor utama baharu iaitu **Bina Permai Sdn. Bhd.**

Susulan pengumuman tersebut, **YB Datuk Hajah Aiman Athirah telah mengadakan sesi perbincangan bersama pemaju dan kontraktor utama** bagi membincangkan kaedah pelaksanaan dan perancangan penyiapan kerja. **Pemaju dan kontraktor utama bersetuju untuk melaksanakan kerja lebih masa** bagi mempercepatkan penyiapan projek. YB Datuk Hajah Aiman Athirah turut memaklumkan akan **turun padang pada setiap tiga (3) bulan** bagi meninjau kemajuan projek ini. TFST akan terus memainkan peranan aktif dalam memantau pematuhan terhadap pelan pemulihan yang telah ditetapkan dan akan menjadikan kemajuan projek ini sebagai **agenda tetap mesyuarat** sehingga projek ini mendapat Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance*, CCC).

Sehingga 30 Jun 2025, **lima (5) projek terbengkalai melibatkan 887 unit rumah** dengan nilai GDV berjumlah **RM55.74 juta** telah berjaya dipulihkan sepenuhnya melalui kaedah penyiapan projek sehingga memperoleh Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance*, CCC). Projek terbengkalai yang berjaya dipulihkan adalah seperti berikut:

- i. **Projek Taman Meru Makmur, Klang, Selangor;**
- ii. **Projek Taman Mega 1, Mukim Kerteh, Kemaman, Terengganu;**
- iii. **Projek Pangsapuri Impian Meru, Klang, Selangor;**
- iv. **Projek Taman Desa Kempas, Fasa 3, Tebrau, Johor; dan**
- v. **Projek Taman Megah Edora, Jajahan Bachok, Kelantan.**

Menurut YB Datuk Hajah Aiman Athirah, pencapaian ini **adalah bukti keberkesanan pendekatan bersepadu dan berasaskan data yang diterajui oleh Kerajaan MADANI** melalui kerjasama rentas agensi dalam menangani isu-isu yang melibatkan kepentingan rakyat, khususnya pembeli rumah. Usaha bersepadu TFST bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi teknikal serta penyedia utiliti melibatkan pemantauan ke atas 55 projek perumahan swasta setakat 30 Jun 2025 iaitu merangkumi 34 projek pada tahun 2024 dan 21 projek dalam tempoh Januari hingga Jun 2025. Hasil daripada pemantauan tersebut, sebanyak 31 projek telah berjaya memperoleh Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC), tiga (3) projek kembali berjalan lancar, manakala baki 21 projek menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan dan berada di landasan yang tepat untuk disiapkan mengikut jadual.

TFST akan terus berperanan sebagai platform penyelesaian demi mencapai **matlamat sifar projek terbengkalai menjelang 2030**, sejajar dengan aspirasi KPKT untuk menyediakan perumahan berkualiti kepada seluruh rakyat Malaysia.

#MalaysiaMADANI  
#Kesejahteraan  
#StrongerTogether  
#DemiPertiwi  
#UnityInDiversity  
#RancakkanMADANI

---

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

